

Oleh Presiden
Thomas S. Monson



Melayan Tuhan Dengan Kasih Sayang

Tuhan Yesus Kristus mengajar, “Sesiapa yang mempertahankan hidupnya akan kehilangan hidup yang sejati, tetapi sesiapa yang mengorbankan hidup untuk-Ku, akan mendapat hidup yang sejati” (Lukas 9:24).

Presiden Thomas S. Monson berkata, “Aku percaya bahawa Sang Penyelamat sedang memberitahu kita bahawa kecuali kita melupakan diri kita dalam pelayanan kepada orang lain, tiada makna dalam kehidupan kita. Mereka yang hanya hidup untuk diri sendiri akan menjadi kering dan kerepot dan hilangkan hidup mereka secara erti kiasan, tetapi mereka yang hilangkan diri sendiri dalam pelayanan akan berkembang—dan menyelamatkan hidup mereka.”¹

Dalam petikan-petikan berikut dari pelayanan Presiden Monson, dia memperingatkan orang-orang Suci Zaman Akhir bahawa merekalah tangan Tuhan dan berkat-berkat kekal menunggukan mereka yang melayan dengan beriman.

Pelayanan Dalam Bait Suci

“Pelayanan yang besar dilakukan bila kita melaksanakan tatacara-tatacara bagi mereka yang sudah meninggalkan dunia. Kita tidak mengenali kebanyakan orang yang kita layan secara wakilan. Kita tidak harapkan

kesyukuran dari mereka, dan kita tidak pasti sama ada mereka akan menerima tatacara yang kita lakukan bagi pihak mereka atau tidak. Tetapi, kita layan, dan dalam proses itu kita memperoleh perkara yang hanya datang dari usaha ini: kita menjadi penyelamat pada Gunung Sion. Seperti Juruselamat kita berikan nyawa-Nya secara wakilan untuk kita, kita juga, dalam cara yang lebih kecil, lakukan yang sama bila kita laksanakan kerja bait suci secara wakilan bagi orang yang tidak dapat bergerak depan tanpa pelayanan dari orang pada bumi ini.”²

Kita Tangan Juruselamat

“Saudara dan saudariku, kita dikelilingi oleh orang yang perlukan perhatian kita, galakan kita, sokongan kita, kesenangan hati dari kita, kebaikan hati kita—mahupun mereka keluarga anda, rakan anda, kenalan anda atau orang asing. Kitalah tangan Tuhan pada bumi ini, kita diarah untuk melayan dan meningkatkan anak-anak-Nya. Dia bergantung pada kita setiap orang. . .

“Kita dipanggil untuk melayan dalam pelayanan Tuhan Yesus Kristus.”³

Melayan Dalam Bayang Juruselamat

“Dalam Dunia Baru, Tuhan yang sudah bangkit mengisytiharkan, ‘Kamu tahu hal yang mesti kamu lakukan di

dalam gereja-Ku; kerana pekerjaan yang telah kamu lihat Aku lakukan itu akan kamu lakukan juga; kerana apa yang telah kamu lihat Aku lakukan bahkan itu jugalah yang akan kamu lakukan.' [3 Nefi 27:21].

"Kita memberkat orang lain bila kita melayan dalam bayang "Yesus orang Nasaret . . . pergi ke serata tempat untuk berbuat baik' [Kisah Rasul-rasul 10:38]. Tuhan memberkat kita untuk mendapat kebahagiaan dalam pelayanan kepada Bapa Syurgawi kita bila kita melayan anak-anak-Nya pada bumi ini."⁴

Keperluan Untuk Melayan

"Kita perlu diberi peluang untuk melayan. Kita boleh berdoa untuk mencarikan cara untuk menolong ahli-ahli yang tidak aktif atau tidak ingin mengambil bahagian serta tidak terikat dalam Gereja. Minta mereka untuk melayan dalam apa kapasiti pun mungkin satu insentif bagi mereka untuk menjadi aktif sekali lagi. Tetapi para pemimpin yang boleh menolong dalam hal ini kadangkala enggan untuk membuat demikian. Kita perlu ingat bahawa orang boleh berubah. Mereka boleh hilangkan tabiat yang buruk. Mereka boleh bertaubat dari pelanggaran. Mereka boleh layak memegang imamat. Dan mereka boleh melayan Tuhan dengan tekunnya."⁵

Adakah Kita Lakukan Segala Yang Harus Kita Lakukan?

"Dunia ini perlukan pertolongan kita. Adakah kita lakukan segala yang harus kita lakukan? Dapatkah kita ingat kata-kata Presiden John Taylor: "Jika anda tidak mengembangkan panggilan anda, Tuhan akan buat anda bertanggungjawab terhadap mereka yang mungkin dapat anda selamat jika anda lakukan tugas anda?" [*Teachings of Presidents of the Church: John Taylor* (2001), 164]. Kita harus menstabilkan kaki, memegang tangan, menggagalkan orang, mengilhamkan hati, dan menyelamatkan jiwa. Berkat-berkat yang kekal menunggukan anda. Anda bukan penonton sahaja pada pentas pelayanan, tetapi berhak untuk mengambil bahagian."⁶

NOTA

1. "What Have I Done for Someone Today?" *Liahona*, Nov. 2009, 85.
2. "Until We Meet Again," *Liahona*, Mei 2009, 113–14.
3. "What Have I Done for Someone Today?" 86, 87.
4. "The Savior's Call to Serve," *Liahona*, Ogos. 2012, 5.
5. "See Others as They May Become," *Liahona*, Nov. 2012, 68.
6. "Willing and Worthy to Serve," *Liahona*, May 2012, 69.
7. *Teaching, No Greater Call: A Resource Guide for Gospel Teaching* (1999), 12.

MENGAJAR DARI PESANAN INI

"Jika anda berbelas kasihan seperti Kristus, anda akan lebih bersedia untuk mengajar injil. Anda akan diilham untuk menolong orang untuk mengetahui Juru-selamat dan untuk mengikut Dia."⁷ Bertimbang untuk berdoa untuk meningkatkan perasaan ihsan terhadap orang yang anda kunjung. Semasa anda memupuk belas kasihan seperti Kristus terhadap mereka, anda akan mejadi lebih bermampu untuk melayan Tuhan dan orang yang anda ajar dengan cara yang bererti.

REMAJA

Musim Panas Yang Penuh Dengan Pelayanan

Oleh Elizabeth Blight

Saya melayan kanak-kanak yang perlukan pertolongan khas di negara asing pada suatu musim panas. Bila saya bertemu dengan kanak-kanak itu, saya berasa risau. Saya tidak ucap bahasa mereka, tetapi saya yakin bahawa Roh akan bimbing saya dalam interaksi kami. Semasa saya cuba mengetahui mereka, saya sedar bahawa bahasa bukan satu rintangan kasih sayang. Saya bermain, ketawa, dan buat pertukangan tangan bersama kanak-kanak itu dan saya berasa kasih sayang yang sempurna terhadap mereka. Saya ternampak kasih sayang Bapa Syurgawi terhadap anak-anak-Nya, dan kebahagiaan yang memenuhkan hati saya tidak boleh dihuraikan dengan perkataan.

Bila saya melayan orang lain, saya berasa kasih sayang terhadap orang yang saya layan dan juga terhadap Bapa Syurgawi. Saya benar-benarnya faham bahawa "apabila kamu berada dalam pelayanan sesama-mamu, kamu semata-mata dalam pelayanan Tuhanmu" (Mosia 2:17). Tujuan pelayanan saya, mahupun satu projek yang besar atau pelayanan yang kecil, adalah untuk memuliakan Tuhan (lihat Matius 5:16). Saya harap semasa saya melayan orang lain, mereka akan mengenali kasih sayang saya terhadap Bapa Syurgawi dan Cahaya Kristus yang bersinar dalam saya.

Pengarang ini dari Virginia, USA.

Rantai Kertas Kasih Sayang

Minta seorang dewasa menolong anda untuk mengguntingkan 28 keping kertas yang agak-agaknya seluas 2.5 cm dan sepanjang 20cm. Dalam bulan ini, lakukan satu pelayanan setiap hari untuk menunjukkan kasih sayang anda terhadap seseorang. Mungkin anda boleh menolong ibu bapa anda untuk mengemaskan rumah atau tuliskan satu nota yang indah bagi jiran anda.

Catatkan pelayanan anda setiap hari pada kepingan kertas itu, dan kemudian lekatkan kedua-dua hujung kertas itu untuk membuat satu bulatan. Anda boleh gabungkan bulatan-bulatan anda dengan masukkan satu hujung keping kertas yang baru melalui bulatan dari hari lepas dan kemudian lekatkan kedua-dua hujung kertas baru itu. Rantai kasih sayang anda akan menjadi semakin panjang! Anda boleh teruskan rantai pelayanan anda selepas Februari.



Iman, Keluarga, Pertolongan

Misi Ilahi Yesus Kristus: Gembala Yang Baik

Kajikan bahan bacaan ini dengan berdoa dan carikan perkara yang harus dikongsikan. Bagaimana pemahaman tentang hidup dan misi Juruselamat boleh meningkatkan iman kepada Dia dan boleh memberkat mereka yang anda jaga melalui pengajaran berkunjung? Untuk maklumat lebih lanjut, layari reliefsociety.lds.org.

Ini sebahagian dalam satu siri Pesanan Pengajaran Berkunjung yang memberi keutamaan kepada aspek misi Juruselamat.

Yesus Kristus, Gembala Yang Baik mengajar:

“Andaikata seorang daripada kamu mempunyai seratus ekor domba, lalu kehilangan seekor, apakah yang akan dilakukannya? Tentu dia akan meninggalkan domba yang sembilan puluh sembilan ekor di padang rumput, lalu pergi mencari yang hilang itu sehingga dapat? . . .

“Ketahuilah bahawa . . . di syurga ada kegembiraan yang lebih besar kerana seorang berdosa bertaubat” (Lukas 15:4, 7).

Semasa kita lebih memahami bahawa Yesus Kristus ialah Gembala Yang Baik, kita menjadi lebih berhasrat untuk mengikut teladannya dan melayan orang yang berkeperluan. Yesus berkata: “Akulah gembala yang baik. . . . Aku mengenal domba-domba-Ku dan mereka pun mengenal Aku. . . . Aku mengorbankan nyawa untuk mereka” (Yohanes 10:14–15). Kerana Penebusan Kristus, tiada seorang pun boleh menjadi sesat sehingga tidak dapat pulang (lihat Lukas 15).

Presiden Thomas S. Monson berkata, “Tanggungjawab kita adalah untuk menjaga kawanan domba-domba. . . . Semoga kita sedia melayan.”¹

Dari Tulisan Suci

Mazmur 23; Yesaya 40:11; Mosia 26:21

Dari Sejarah Kita

Elizabeth Ann Whitney, yang menghadiri pertemuan Lembaga Pertolongan yang pertama, berucap tentang penganutannya pada tahun 1830: “Sebaik sahaja saya mendengar yang dikhutbahkan oleh para Elder, saya tahu bahawa itu suara Gembala Yang Baik.”² Elizabeth mengikut suara Gembala Yang Baik dan dibaptiskan serta ditetapkan.

Kita juga boleh dengar suara Gembala Yang Baik dan mengongsikan ajaran-Nya bersama orang lain. Presiden Monson berkata, “Kita tangan Tuhan pada bumi ini, kita diarah untuk melayan dan meningkatkan anak-anak-Nya.”³

Seperti gembala mencari seekor domba yang hilang, ibu bapa boleh mencari seorang anak yang sesat. Presiden James E. Faust

(1920–2007), Penasihat Kedua dalam Presidensi Utama berkata: “Kami berucap kepada ibu bapa yang berpatah hati yang soleh, tekun, dan selalu berdoa dalam pengajaran mereka kepada anak-anak yang tidak patuh, Gembala yang Baik sedang menjaga mereka. Tuhan tahu dan faham akan kedugaan anda. Masih ada harapan.”⁴

NOTA

1. Thomas S. Monson, “Heavenly Homes, Forever Families,” *Liahona*, Jun 2006, 70.
2. Elizabeth Ann Whitney, in *Daughters in My Kingdom: The History and Work of Relief Society* (2011), 128.
3. Thomas S. Monson, “What Have I Done for Someone Today?” *Liahona*, Nov. 2009, 86.
4. James E. Faust, “Dear Are the Sheep That Have Wandered,” *Liahona*, Mei 2003, 68.

Apa yang Dapat Saya Lakukan?

1. Bagaimana pengetahuan bahawa Juruselamat ialah Gembala Yang Baik boleh mendatangkan kedamaian dalam hidup kita?
2. Bagaimana kita boleh melayan mereka yang “hilang” dari pengaktifan Gereja atau mereka yang bukan seagama kita?
3. Bagaimana saya boleh menyokong ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang tidak mematuhi injil?